



**KEMENTERIAN KERJA RAYA**

**TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' DR SYED OMAR SHARIFUDDIN BIN SYED IKHSAN**

**KETUA SETIAUSAHA**

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**

**SEMPENA**

**MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2019**

**TEMA MAJLIS : 'MENEROKAI POTENSI, MENGUNGGULI PRESTASI'**

**PADA**

**5 MAC 2020 (KHAMIS)**

**Dewan Tan Sri Mahfoz Khalid**

**Kompleks Kerja Raya**

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.



## **Kata Alu-Aluan**

Yang Berbahagia Dato' Dr. Ong Gua Pak  
Timbalan Ketua Setiausaha (Sektor Pengurusan)

Yang Berbahagia Datuk Badrul Hisham bin Mohd  
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan)

Yang Berusaha Tuan Ir. Kamaluddin bin Haji Abdul Rashid  
Ketua Pengarah Kerja Raya

Yang Berbahagia Dato' Ir. Ahmad Asri Bin Abdul Hamid,  
Ketua Eksekutif, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia  
(CIDB)

Yang Berbahagia Dato' Ir Mohd Shuhaimi bin Hassan,  
Ketua Pengarah, Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)

Yang dihormati dan diraikan penerima-penerima Anugerah Perkhidmatan  
Cemerlang KKR bagi tahun 2019,

Yang Berbahagia Dato', Datin, Tuan dan Puan sekalian,

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Selamat Sejahtera.

## PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu, saya ingin mengalu-alukan Dato', Tuan/puan semua yang bersama-sama bertemu dan berhimpun dalam Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Kementerian Kerja Raya (KKR) bersama-sama Agensi di bawahnya.
2. Sesungguhnya Majlis pada hari ini boleh dikatakan sebagai majlis yang cukup bermakna bagi menghargai dan meraikan pegawai-pegawai dan warga kerja Kementerian dan Agensi di bawahnya yang telah memberikan sumbangan dan menunjukkan prestasi yang cemerlang sepanjang tahun 2019.
3. Sesungguhnya kecemerlangan sesebuah organisasi tidak bergantung kepada satu pihak semata-mata, sebaiknya ia melibatkan kerjasama dan persefahaman yang mantap di semua peringkat. Untuk itu, KKR sentiasa menekankan aspek mengamalkan budaya kerja berkualiti tinggi dalam kalangan kakitangan, agar kualiti perkhidmatan dapat ditingkatkan dari semasa

ke semasa sehingga dapat memperoleh pencapaian di tahap yang membanggakan. Seperti perumpamaan melayu, **'Bara yang digenggam biar sampai menjadi arang'**.

4. Kita sebagai warga kerja di Kementerian Kerja Raya (KKR) mempunyai tanggungjawab yang berat di mana tuntutan rakyat terhadap kesempurnaan dan kelengkapan prasarana, adalah keutamaan kita.

## **JUMLAH PENERIMA APC 2019**

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Pada hari ini seramai 877 orang warga cemerlang daripada Kementerian, Jabatan dan Agensi layak dan telah dipilih sebagai penerima Anugerah Khidmat Cemerlang Kementerian Kerja Raya bagi tahun 2019. Ini merangkumi KKR seramai 59 orang, JKR 704 orang, CIDB 87 orang dan LLM seramai 27 orang. Disamping itu, kita juga meraikan seorang penerima 'Pingat Perkhidmatan Cemerlang' (PPC) daripada LLM.

6. Harapan saya, agar pengiktirafan dan penghargaan seumpama ini dapat melonjakkan motivasi kepada tuan dan puan untuk menjadi insan yang bersahsiah, berkualiti, seterusnya menjadi *role model* dan *mentor* terbaik kepada warga kerja yang lain. Ia juga diharap dapat mendorong dan penyuntik semangat dalam menyampaikan perkhidmatan yang lebih berkualiti. Syabas diucapkan kepada penerima APC.

**TEMA APC 2019: 'MENEROKAI POTENSI, MENGUNGGULI PRESTASI'**

7. Tema APC tahun ini adalah **'MENEROKAI POTENSI, MENGUNGGULI PRESTASI'**. 'Potensi' didefinisikan sebagai kemampuan untuk mencapai, menghasilkan atau keupayaan melakukan sesuatu. Manakala 'prestasi' pula didefinisikan sebagai hasil dan mutu yang diperolehi dalam menjalankan sesuatu tugas atau pencapaian.
8. Tema tahun ini membawa kepada konteks penjawat awam yang sentiasa berusaha untuk melaksanakan tugas malangkaui kemampuan akan sentiasa berada pada tahap prestasi yang

optimum. Karakter ini perlulah berada dalam setiap penjawat awam khususnya warga KKR dalam memacu visi Kementerian serta mendepani cabaran-cabaran yang mendatang.

## **TANGGUNGJAWAB PENJAWAT AWAM**

Saudara dan saudari yang saya hormati sekalian,

9. Sepertimana kita semua sedia maklum, Negara sedang menghadapi situasi politik yang mencabar. Disini saya ingin mengingatkan semua Warga Kerja Raya terhadap arahan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Yang Berbahagia Datuk Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman yang menegaskan bahawa Penjawat awam mestilah mengekalkan pendirian *apolitical* dan berkecuali. Penjawat awam perlu terus menjunjung dan mempertahankan taat setia kepada Yang di-Pertuan Agong dengan melaksanakan tugas seperti yang dipertanggungjawabkan.

10. Penjawat awam dilarang sama sekali daripada menghadiri atau terlibat dalam sebarang perhimpunan berkaitan politik, membuat apa-apa pernyataan awam mengedarkan atau menular berita palsu di media sosial atau sebarang medium Komunikasi yang lain.
  
11. Saya juga memohon semua penjawat awam untuk bertenang dan meneruskan tugas mengikut undang-undang dan dasar kerajaan yang berkuat kuasa. Penjawat awam juga perlu memastikan semua sistem penyampaian kerajaan terus berjalan lancar dan rakyat seharusnya mendapat perkhidmatan berkualiti seperti sedia ada.

## **WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030**

Sidang hadirin sekalian,

12. Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) merupakan iltizam untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif pada semua peringkat wilayah dan rangkaian bekalan.

13. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam turut menyatakan hasrat bahawa WKB 2030 merupakan satu wawasan kerajaan yang baharu yang perlu didakapi dan dihayati oleh semua penjawat-penjawat awam.
  
14. Setiap kementerian dan agensi perlulah menyaluti wawasan ini dengan aktiviti-aktiviti dan program-program mengikut Kementerian masing-masing dan juga mengikut mandat masing-masing. WKB 2030 menggariskan 7 teras strategik. Antara teras strategik tersebut adalah teras strategik 3: modal insan dan teras strategik 7: modal sosial.
  
15. Modal insan yang berpengetahuan, berkemahiran dan berinovatif merupakan elemen yang penting dalam menyokong pembangunan negara. Warga Kementerian seharusnya melengkapkan diri dengan kemahiran yang berpaksikan perkhidmatan kepada rakyat. Antara kemahiran yang boleh digilap termasuklah kemahiran berfikir secara kritis dan analitikal, kemahiran rundingan dan diplomasi, kemahiran interpersonal dan kemahiran keusahawanan. Ini dapat menghasilkan warga Kementerian yang lebih berdaya saing, berdaya tahan dan berdaya maju untuk mengharungi segala cabaran yang mendatang.



16. Modal sosial juga dijadikan sebagai teras strategik WKB 2030 dan merupakan usaha Kerajaan untuk memperkukuh ikatan perhubungan dalam kalangan masyarakat seperti jaringan sosial, kebolehpercayaan dan norma hidup. Pengukuhan ini mampu memperbaiki kecekapan individu dalam komuniti tersebut.
  
17. Warga Kementerian dapat mengembangkan modal sosial ini dengan menghayati pembelajaran sepanjang hayat, mempergiat penglibatan dalam aktiviti kemasyarakatan dan kesukarelaan serta meraikan kepelbagaian dan menghormati perbezaan pendapat dan pandangan. Perkara ini amatlah signifikan dalam membentuk acuan masyarakat yang progresif, aktif dan bersatu padu.


## **PENUTUP**

Yang Berbahagia Dato', Datin, Tuan dan Puan sekalian,

18. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru agar semua warga Kerja Raya terus berwaspada dan menjaga kesihatan lantaran ancaman Jangkitan Coronavirus

Disease atau COVID-19. Patuhilah kepada semua arahan serta nasihat kesihatan yang telah diberikan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia dalam memastikan risiko penularan jangkitan ini dapat dikurangkan kepada ahli keluarga dan masyarakat.

19. Kepada semua penerima APC KKR bagi tahun 2019, tahniah dan syabas sekali lagi diucapkan. Tidak lupa juga ucapan syabas kepada pihak urus setia majlis yang telah bertungkus lumus dalam memastikan penganjuran majlis ini berjalan dengan lancar dan jaya.
20. Saya berharap khidmat bakti yang cemerlang yang telah dicurahkan demi kebaikan organisasi dan bukan semata-mata mengharap ganjaran anugerah tetapi apa yang lebih penting ialah nilai-nilai kerja cemerlang menjadi amalan dan budaya kerja kita dalam melaksanakan tugas, tanggungjawab dan amanah yang diberikan.

21. Dengan lafaz  saya merasmikan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang KKR bagi tahun 2019.

Sekian.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.